

ADVANCED INTERNATIONAL JOURNAL OF
BUSINESS, ENTREPRENEURSHIP AND SMES
(AIJBES)www.aijbess.com**KESAN PEMBUDAYAAN WAKAF TERHADAP
PEMBANGUNAN DANA KEWANGAN DI INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI (IPT)***THE IMPACT OF WAQF CULTURE ON FINANCIAL FUND DEVELOPMENT IN
HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS (HEIs)*

Mohd Shahid Azim Mohd Saufi^{1*}, Muhammad Zarunnaim Haji Wahab², Wan Mohd Amjad Wan Halim³, Muhammad Hafis Mohd Hussain⁴

¹ Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Malaysia.

Email: azimsaufi@uitm.edu.my

² Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Malaysia.

Email: zarunnaim@uitm.edu.my

³ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia.

Email: w.mohd.amjad@uum.edu.my

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Raub, Malaysia

Email: hafishussain@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 30.06.2024

Revised date: 15.07.2024

Accepted date: 19.08.2024

Published date: 26.09.2024

To cite this document:

Saufi, M. S. A., Haji Wahab, M. Z., Halim, W. M. A. W., & Hussain, M. H. M. (2024). Kesan Pembudayaan Wakaf Terhadap Pembangunan Dana Kewangan Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). *Advanced International Journal of Business Entrepreneurship and SMEs*, 6 (21), 151-161.

Abstrak:

Pembudayaan wakaf merupakan satu instrumen yang terpenting didalam memajukan wakaf. Wakaf memainkan peranan sebagai sumber dana alternatif yang diperlukan dalam membangunkan sesebuah institusi. Selain itu, pendekatan wakaf ini mempunyai persamaan yang selari dari segi fungsinya seperti zakat. Ianya mampu untuk mendidik umat Islam yang mempunyai kelebihan dari sudut lebihan kewangan untuk menyumbang melalui kaedah berwakaf yang menjamin manfaat yang berkekalan. Pengajian tinggi merupakan keperluan yang besar bagi anak-anak muda untuk melanjutkan pendidikan. Walau bagaimanapun ianya memerlukan sokongan melalui sumbangan wakaf terutamanya kepada mereka yang tergolong sebagai golongan yang diklasifikasikan sebagai B40. Kaedah pembudayaan ini penting bagi memastikan amalan berwakaf terutamanya dalam kalangan masyarakat terus diperkasakan impak dari pembudayaan ini telah terbukti berkesan seperti yang telah berlaku di beberapa institusi pengajian tinggi di timur tengah. Kajian ini mengkaji kesan pembudayaan melalui instrumen wakaf terhadap institusi pengajian tinggi dengan mengguna pakai kaedah kualitatif. Data diperolehi melalui kajian kepustakaan dan menganalisis dokumen-dokumen yang

DOI: 10.35631/AIJBS.621013

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)

berkaitan. Kajian ini akan memberikan dapatan berkaitan implikasi pembudayaan masyarakat dalam membangunkan dana kewangan institusi pengajian tinggi melalui kaedah wakaf.

Kata Kunci:

Kesan Pembudayaan Wakaf, Pembangunan Dana Kewangan, Institusi Pengajian Tinggi, Matlamat Pembangunan Mampan.

Abstract:

The culture of waqf is a crucial instrument in advancing *waqf* initiatives. *Waqf* plays a role as an alternative source of funding necessary for the development of an institution. Additionally, the approach of waqf aligns in function with Zakat. It has the potential to educate Muslims who have financial surplus to contribute through waqf, ensuring lasting benefits. Higher education is a significant need for young people to pursue further studies. However, it requires support through waqf contributions, particularly for those classified as part of the B40 group. The cultural approach is important to ensure that the practice of waqf, especially within the community, continues to be strengthened. The impact of this cultural practice has proven effective, as seen in several higher education institutions in the Middle East. This study examines the impact of cultural practices through the waqf instrument on higher education institutions using a qualitative approach. Data is obtained through literature review and analysis of relevant documents. This study will provide findings related to the implications of cultural practices in developing financial fund on higher education institutions through the waqf method.

Keywords:

Impact Of Waqf Culture, Financial Fund Development, Higher Education Institutions, Sustainable Development Goals.

Pengenalan

Pembangunan wakaf sebagai sumber dana kewangan untuk pendidikan tinggi adalah selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya matlamat ke-4 yang menekankan pendidikan berkualiti. Wakaf menawarkan satu alternatif dana kewangan yang signifikan yang dapat mengurangkan beban kewangan institusi pengajian tinggi, sekaligus memastikan akses yang lebih meluas kepada pendidikan tinggi, terutamanya bagi golongan yang kurang berkemampuan. Selain itu, pembangunan wakaf juga menyokong matlamat 1 (menghapuskan kemiskinan) dan matlamat ke-10 (mengurangkan ketidaksamaan) dengan menyediakan peluang pendidikan yang lebih inklusif dan berkesan (Abdullah, 2018).

Tambahan pula, wakaf sebagai sumber dana pendidikan tinggi bukan sahaja memperkukuh matlamat SDG tetapi juga memainkan peranan penting dalam memperkasakan komuniti. Dengan menyediakan akses pendidikan yang lebih meluas, wakaf membantu dalam melahirkan generasi yang berpengetahuan dan berkemahiran, yang mampu menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara. Ini seterusnya menyokong matlamat ke-8 (pekerjaan yang layak dan pertumbuhan ekonomi) dengan meningkatkan kebolehpasaran graduan dan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih baik. Pembangunan wakaf juga memberi kesan kepada matlamat ke-16 (institusi yang kuat dan inklusif) dengan membina asas pendidikan yang kukuh, yang mampu melahirkan pemimpin masa depan yang berintegriti dan beretika (Tahiri-Jouti, 2022). Dengan itu, wakaf bukan sahaja menyokong matlamat pendidikan

berkualiti tetapi juga berfungsi sebagai alat penting dalam membangun masyarakat yang lebih adil, sejahtera, dan mampan (Hassan et al., 2023).

Dalam konteks Islam, wakaf bukan sahaja memenuhi keperluan kewangan tetapi juga sejajar dengan prinsip maqasid syariah, yang merangkumi pemeliharaan harta dan akal. Wakaf dalam pendidikan tinggi memberi impak jangka panjang terhadap kematangan fikiran dan kebijaksanaan seseorang individu dalam membuat keputusan, serta memenuhi maqasid syariah yang menekankan penjagaan lima perkara asas: agama, nyawa, akal, harta, dan keturunan (Praja et al., 2024). Melalui pendekatan ini, pembangunan wakaf mampu memacu seseorang individu dalam membuat pertimbangan berkaitan keperluan asas (*dharuriyyat*), keperluan pelengkap (*hajiyyat*), dan keperluan kesempurnaan (*tahsiniyat*) (Batubara & Sibral Malasyi, 2024).

Hadis Nabi Muhammad SAW yang menyatakan bahawa, “*apabila mati seseorang anak Adam, maka habislah amalnya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, dan anak yang soleh yang mendoakan kedua ibu bapanya*”, mengukuhkan lagi peranan wakaf sebagai sedekah jariah dalam menyokong pendidikan. Dengan menjadikan wakaf sebagai sumber dana, pendidikan tinggi tidak hanya memperoleh dana kewangan tetapi juga berfungsi sebagai satu bentuk amal jariah yang berkekalan, yang manfaatnya dapat dirasakan oleh generasi akan datang.

Pengalaman institusi pendidikan di Mesir yang menggunakan wakaf sebagai instrumen penting untuk pendidikan dan pembangunan menunjukkan bahawa wakaf bukan hanya sekadar bantuan kewangan tetapi juga alat strategik dalam memperkasakan masyarakat melalui pendidikan. Dana wakaf yang disumbangkan boleh digunakan untuk membiayai yuran pengajian, kos sara hidup pelajar, dan juga sebagai biasiswa, yang sekaligus mengurangkan beban hutang pelajar (Mohiddin, 2022).

Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai cabaran dalam pelaksanaan wakaf sebagai instrumen utama dalam pembangunan pendidikan tinggi, seperti kekangan kewangan untuk membangunkan infrastruktur dengan dana wakaf sedia ada. Di Malaysia, model wakaf di institusi pengajian tinggi lebih cenderung kepada pembangunan melalui hubungan kerjasama dengan agensi swasta. Persepsi dan reputasi institusi menjadi faktor penting dalam menarik kerjasama untuk membangunkan aset kekal atau menyediakan biasiswa kepada pelajar (Hashim et al., 2016).

Secara keseluruhannya, pembangunan wakaf sebagai sumber dana pendidikan tinggi bukan sahaja memenuhi keperluan kewangan tetapi juga memainkan peranan penting dalam pencapaian SDG, terutamanya dalam menyediakan pendidikan berkualiti dan mengurangkan ketidaksamaan dalam akses kepada pendidikan tinggi.

Sorotan Literatur

Di dalam usaha membudayakan wakaf pendidikan tinggi di Malaysia, ilmu dan pendedahan kepada masyarakat berkaitan wakaf amat penting. Hal ini kerana, perkara tersebut dapat memupuk kesedaran dan kefahaman yang menjadikan masyarakat cakna tentang kepentingan wakaf pendidikan tinggi. Faktor ini bukan sahaja dapat memberikan manfaat kepada individu dan masyarakat bahkan kepada negara secara keseluruhannya terutama kepada sektor pendidikan tinggi. Sistem wakaf sudah lama diamalkan terutama untuk pembinaan sekolah-sekolah pondok pada suatu masa dahulu. Masyarakat sebenarnya sudah didedahkan kaedah

asas berwakaf bagi tujuan pendidikan khususnya wakaf tanah untuk tujuan pembinaan sekolah-sekolah pondok ataupun sekolah agama rakyat (Othman, Alwi, et al., 2017).

Apabila membincangkan isu berkaitan pembudayaan wakaf, Institusi pengajian tinggi (IPT) perlu menerapkan pelbagai kaedah untuk memperkenalkan produk wakaf bagi tujuan memasarkan produk wakaf dengan menggunakan kaedah sedia ada seperti media sosial, e-mel, khutbah jumaat, portal-portal universiti dan lain-lain lagi. Apabila produk wakaf sentiasa diperkatakan oleh orang ramai, maka proses untuk membudayakan wakaf akan lebih mudah memandangkan zaman Ketika ini bersesuaian dengan menggunakan medium-medium seperti ini (Rahman & Shoid, 2017).

Pembudayaan wakaf dalam kalangan masyarakat memerlukan pendekatan strategik, terutamanya oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Untuk memasarkan produk wakaf dengan lebih berkesan, IPT perlu memanfaatkan pelbagai medium komunikasi yang tersedia. Penggunaan platform media sosial seperti Facebook, Instagram, dan Twitter boleh menjadi alat yang berkesan untuk menyebarkan maklumat mengenai produk wakaf. Dengan kandungan visual yang menarik dan interaktif, mesej tentang kepentingan wakaf dan cara untuk menyertainya boleh disebarkan dengan cepat dan meluas (Corsini & Frey, 2023).

Emel boleh digunakan sebagai medium komunikasi formal untuk menyampaikan maklumat tentang produk wakaf kepada pelajar, staf, dan alumni. Melalui e-mel, maklumat terperinci mengenai manfaat wakaf dan cara untuk menyumbang boleh disalurkan terus kepada individu yang terlibat (Khairuddin & Ishak, 2023).

Khutbah Jumaat di masjid-masjid sekitar kampus IPT adalah medium penting untuk mendidik dan menyedarkan masyarakat tentang wakaf. Penyampaian khutbah yang menyentuh kepentingan wakaf akan meningkatkan kesedaran di kalangan jemaah mengenai manfaat wakaf, baik dari segi duniawi dan ukhrawi. Setiap universiti mempunyai laman web atau portal yang digunakan untuk penyebaran maklumat kepada pelajar dan staf. Laman web ini boleh dijadikan platform untuk mempromosikan wakaf, menyediakan maklumat lengkap tentang cara untuk menyumbang, dan menunjukkan impak positif sumbangan wakaf (Hutchens et al., 2024).

IPT juga boleh mengadakan seminar, bengkel, atau forum untuk memperkenalkan konsep dan produk wakaf. Acara ini boleh melibatkan pelbagai pihak seperti tokoh masyarakat, ahli akademik, dan wakil institusi kewangan untuk berkongsi maklumat dan pengalaman. Apabila produk wakaf sering diperkatakan dan dilihat di pelbagai platform, proses pembudayaan wakaf akan lebih mudah. Ini kerana pendekatan yang konsisten menggunakan medium-medium ini dapat menarik minat lebih ramai orang untuk terlibat dalam aktiviti wakaf, seterusnya mengukuhkan budaya wakaf dalam kalangan Masyarakat (Wahid et al., 2022).

Kekangan yang dilihat wujud pada peringkat negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sendiri yang masih belum dapat mempromosikan wakaf bagi tujuan pendidikan tinggi kerana tidak mempunyai produk yang khusus tentang wakaf dalam sektor pendidikan ini (Lydia Jeptoo & Razia, 2012). Kreativiti dan inovasi dalam mewujudkan kepelbagaian produk zakat wakaf yang selari dengan kehendak syariat perlu diseragamkan bersama urus tadbir wakaf bagi memudahkan masyarakat memahami dengan lebih terperinci mengenai manfaat yang akan diperolehi apabila berwakaf melalui IPT (Habidin et al., 2017).

Bagi memastikan masyarakat menyokong sesuatu projek wakaf, pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) perlu menyebarkan maklumat yang terkini dan tepat kepada masyarakat supaya mereka berkeyakinan serta tidak ragu-ragu dalam menyokong usaha tersebut. Dalam program promosi Baitulmal, pihak MAIN perlulah melakukan transformasi dalam aspek pengurusan termasuk konteks pembangunan wakaf bagi menjana modal dan pulangan yang lebih kompetitif kepada MAIN. Hal ini seharusnya memberikan manfaat yang lebih menyeluruh kepada semua pihak (Omar, 2014).

Metodologi Kajian

Penyelidikan ditakrifkan sebagai pencarian data dengan menggunakan kaedah yang saintifik untuk mendapatkan maklumat yang relevan dan signifikan mengenai sesuatu isu. Oleh itu, metodologi kajian boleh ditakrifkan sebagai cara yang sistematik untuk menyelesaikan sesuatu masalah serta sains yang mengkaji bagaimana penyelidikan dijalankan. Pada asasnya, metodologi penyelidikan ialah prosedur yang mesti diikuti oleh penyelidik, termasuk menerangkan dan meramal fenomena untuk menyelesaikan sesuatu masalah (Aspers & Corte, 2019).

Bagi memahami pengkelasan dalam kajian yang dijalankan, ianya boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu, kualitatif, kuantitatif dan kaedah mod campuran. Namun begitu, kajian ini hanya mengfokuskan kaedah kajian kualitatif sahaja untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pendekatan kualitatif memberi tumpuan kepada data primer iaitu termasuklah pemerhatian atau maklumat yang diperolehi daripada pelbagai sumber. Sumber dapatan utama bagi kajian ini diperolehi daripada sumber kepustakaan melalui analisis terhadap dokumen yang berkaitan dan bahan-bahan rujukan samada melalui media cetak dan elektronik bagi memenuhi objektif kajian (Bhangu et al., 2023).


Bagi memperolehi novelti kajian yang baik, proses pengesahan data atau maklumat dalam penyelidikan tertumpu kepada keaslian, ketepatan dan kebenaran penemuan saintifik. Kesahan merujuk kepada "kesesuaian" instrumen, proses dan data yang digunakan dalam kaedah pendekatan kualitatif. Kesahan data dalam penyelidikan boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu kesahan muka, kesahan kandungan, kesahan konstruk dan kesahan berkaitan kriteria (Matta, 2022). Walaubagaimanapun, dalam penyelidikan ini, pengkaji menggunakan kesahan kandungan sebagai penilaian utama. Kesahan kandungan data yang diperolehi boleh ditakrifkan sebagai proses pertimbangan terhadap ulasan literatur, diikuti dengan penilaian keputusan (Mohiddin, 2020).

Pengkaji seterusnya menganalisis dokumen dengan memilih semua maklumat yang mempunyai hubungan objektif kajian. Pendekatan ini diambil untuk menjawab objektif berkaitan tajuk kajian ini. Seterusnya semua bahan-bahan seperti sumber kepustakaan seperti laporan, laman web yang berkaitan, buku dan artikel jurnal dianalisis secara menyeluruh untuk mencapai objektif yang dinyatakan (Melnikovas, 2018).

Analisis Pembudayaan Wakaf Terhadap Pembangunan Dana Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Didalam mendepani cabaran kewangan pada masa kini, tekanan implikasi yang dihadapi oleh pihak yang menguruskan organisasi tadbir urus samada di peringkat institusi zakat atau wakaf perlu memainkan peranan yang jitu bagi memastikan pemahaman masyarakat terhadap pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi menjadi kurang berkesan (Hisham et al., 2018). Penelitian yang dinyatakan oleh penyelidik lepas iaitu konsep pemasaran dan promosi kerana

hasil daripada kejayaan perlaksanaan ini mampu memberikan konsep yang besar dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat berkaitan kepentingan wakaf di IPT (Abdulkader, 2016). Seterusnya, bagi memastikan kejayaan pembudayaan ini berlaku, terdapat empat komponen yang digariskan bertujuan untuk memberikan impak kepada pembangunan institusi wakaf pengajian tinggi iaitu pempengaruh, penanda aras, ketelusan dan pembuktian hasil.



Rajah 1.1: Kesan Pembudayaan Melalui Instrumen Wakaf

Berdasarkan kepada gambar rajah 1.1, kesan pembudayaan yang diterapkan melalui kaedah wakaf dipengaruhi oleh empat faktor yang saling berkaitan iaitu pempengaruh, ketelusan, kualiti dan pembuktian hasil. Elemen pertama iaitu pempengaruh merupakan faktor yang merujuk kepada figura atau individu yang dapat mempengaruhi pihak lain dalam menjadikan tindak tanduk mereka menjadi pencetus kepada aktiviti yang dilakukan. Dalam soal pembudayaan wakaf, ini merupakan sesuatu yang sangat penting memandangkan mereka ini merupakan ikutan dan akan di teladani dan memberi impak yang kuat jika elemen ini dikaitkan. Seterusnya elemen penanda aras merujuk kepada parameter dan penanda aras yang perlu dicapai oleh individu atau organisasi dalam memastikan tadbir urus dan keberhasilan yang ditonjolkan dapat meyakini masyarakat untuk turut sama dalam pembangunan wakaf ini. Ketelusan merujuk kepada dana yang telah dikumpulkan perlu disalurkan kepada objektif awal pengumpulan dana tersebut. Selain itu akautibiliti pihak yang menguruskan dana wakaf turut menjadi sebab untuk pembudayaan ini berlaku kerana jika tidak dikawal dengan baik, maka kepercayaan orang ramai terhadap tujuan wakaf ini akan berkurang dan menuju kepada kegagalan (Habidin et al., 2017). Faktor yang terakhir iaitu pembuktian hasil merujuk kepada kejayaan-kejayaan yang diperolehi. Apabila dana yang diterima dan diuruskan dengan baik, hasil yang ditonjolkan dapat menaikkan kepercayaan orang ramai untuk terus menyumbang dan secara tidak langsung kepada pembudayaan wakaf dan dapat disuburkan dengan jayanya.

Apabila kesemua faktor-faktor ini digabungkan, ianya dapat memberikan impak yang signifikan dalam Pembangunan wakaf pendidikan tinggi kerana sokongan masyarakat dalam

melibatkan diri serta keyakinan pihak-pihak industri yang ingin berkolaborasi terhadap aktiviti wakaf dapat kerana keempat empat elemen ini sentiasa berkait rapat antara satu sama lain. Oleh itu tujuan pembangunan institusi pengajian tinggi melalui instrument wakaf dapat mempertingkatkan sumber dana kerana faktor-faktor yang dinyatakan dalam rajah 1.1.

Dalam memastikan institusi yang melaksanakan pembangunan wakaf ini dapat digerakkan dengan teratur dan sempurna, konsep ketelusan adalah satu aspek yang wajib diamalkan supaya sesebuah institusi atau organisasi yang terlibat mampu untuk memenuhi objektif yang ingin dicapai. Oleh yang demikian, konsep tadbir urus yang efisien dapat diterapkan kepada pihak pengurusan tertinggi, sistem kawalan dalaman dan peranan audit untuk memastikan urusan institusi dapat dilaksanakan dengan cekap dan amanah serta kepentingan pemilik dan pihak-pihak lain dapat dipenuhi. Konsep seperti ini biasanya digunapakai oleh sektor swasta (Shahid et al., 2022). Manakala sektor kerajaan pula menekankan konsep governan yang merupakan asas bagi institusi awam terbabit untuk menjamin akauntabiliti dan membina integriti serta kepercayaan masyarakat terhadap institusi tersebut selaras dengan kehendak dan harapan masyarakat serta kepentingan negara. Secara tidak langsung dapat merialisasikan kesedaran masyarakat terhadap wakaf di peringkat institusi pengajian tinggi semakin meningkat.

Dapatan Kajian

Berdasarkan kepada analisis yang telah dilakukan, kaedah pemasaran yang berkesan terhadap instrumen zakat dan wakaf mampu memberi impak yang signifikan dalam membangunkan institusi pengajian tinggi di Malaysia. Empat faktor yang dinyatakan di dalam gambar rajah 1.1 merupakan pemangkin kepada kemajuan di IPT dengan menggunakan dana zakat dan wakaf. Hasil dapatan ini selari dengan kajian lepas yang dijalankan oleh yang menyatakan peningkatan kualiti tadbir urus yang sistematik dan tersusun menjamin pengurusan wakaf yang lebih efisien (Othman et al., 2017). Oleh itu pelaksanaan pembangunan melalui instrumen zakat dan wakaf menjadi satu cara penyelesaian bagi menjamin pembangunan wakaf selari dengan keperluan masyarakat umum. Hasil kajian juga mendapati bahawa pihak IPT perlu mengoptimumkan sepenuhnya ruang kemudahan melalui zakat dan wakaf untuk memaksimumkan jumlah dana serta dapat mengurangkan kebergantungan kewangan daripada sumber yang lain. Kaedah ini dapat meringankan beban kewangan IPT disebabkan kos pengurusan, tadbir urus dan operasi sesebuah IPT yang semakin meningkat saban tahun. Perkara ini dapat direalisasikan dengan memperkasakan kaedah pemasaran supaya masyarakat cakna dan memahami kepentingan instrumen ini dalam pembangunan sesebuah IPT.

Pentadbiran yang telus mesti menekankan berkaitan kepentingan untuk IPT mempelbagaikan sumber dana termasuklah dengan memanfaatkan instrumen zakat dan wakaf ini. Kajian ini turut melahirkan kebimbangan terhadap pengoperasian sesebuah universiti yang kini semakin meningkat dan memerlukan sumber kewangan yang besar dan mapan untuk terus beroperasi (Mustaffa Mohd et al., 2014).

Kajian ini turut ingin mencadangkan setiap IPT di Malaysia mengambil inisiatif dengan merangka satu plan strategik untuk memperkasakan instrumen wakaf ini dalam operasi setiap universiti. Plan strategik ini perlulah merangkumi plan jangkamasa pendek, sederhana dan panjang bagi memastikan ianya dapat di jalankan secara berterusan dan bersifat holistik. Hal ini selari dengan kepentingan bagi IPT untuk mewujudkan satu mekanisme dan rangka kerja yang mampu melonjakkan pembangunan institusi pengajian tinggi. Selain itu, pelan strategik ini juga penting yang boleh dijadikan sebagai kayu ukur kepada IPT lain untuk merangka kaedah yang sama dalam memperkasakan instrumen zakat dan wakaf ini (Zainudin et al., 2020).

Seterusnya, pihak IPT perlu melakukan tindakan yang drastik serta realistik dengan keperluan semasa. Sebagai contoh, pihak IPT perlu menubuhkan satu bahagian atau unit yang berperanan menguruskan dan mengumpul dana melalui zakat, wakaf, hibah, sedekah, wasiat. Usaha ini dapat membantu pihak IPT dalam membiayai pembangunan yang bersifat fizikal dan menampung kos pembiayaan pengajian pelajar yang memerlukan di IPT. Pihak yang berkaitan perlu untuk menekankan berkaitan kepentingan untuk setiap IPT merencana agenda kearah penubuhan satu entiti khusus berkaitan zakat dan wakaf dalam usaha memacu dan memperkasa pengoperasian IPT di Malaysia (Mas Nooraini Hj Mohiddin, 2020).

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia untuk mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan dan relevan dalam mengurus dana dan sumber kewangan. IPT disarankan untuk menubuhkan satu bahagian atau unit khusus yang bertanggungjawab menguruskan dan mengumpul dana melalui pelbagai saluran seperti zakat, wakaf, hibah, sedekah, dan wasiat. Bahagian ini akan berperanan sebagai entiti yang fokus pada usaha pengumpulan dana alternatif yang bukan sahaja dapat mengurangkan kebergantungan kepada pembiayaan kerajaan tetapi juga memperluas sumber pendapatan universiti (Butticè & Vismara, 2022).

Dana yang dikumpulkan melalui kaedah ini boleh digunakan untuk menampung kos pembangunan infrastruktur dan kemudahan fizikal di IPT serta membantu pelajar yang memerlukan dalam bentuk biasiswa, tajaan, atau bantuan kewangan lain. Ini amat penting dalam memastikan kesejahteraan pelajar serta memperbaiki persekitaran pembelajaran di IPT (Eldaia et al., 2023).

Penekanan diberi pada perlunya setiap IPT merancang dan menubuhkan entiti khusus yang berfokus kepada pengurusan zakat dan wakaf. Ini kerana entiti khusus akan dapat memastikan pengoperasian yang lebih sistematik dan efisien, serta menjadikan aktiviti wakaf dan zakat sebagai agenda utama dalam strategi pengurusan kewangan IPT. Dengan adanya struktur dan entiti khusus yang menguruskan dana melalui instrumen-instrumen Islam ini, IPT di Malaysia akan lebih berdaya saing dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran kewangan semasa. Ia juga akan membolehkan IPT untuk memainkan peranan yang lebih proaktif dalam pembangunan masyarakat dan pendidikan negara (Hidayatullah et al., 2023).

Kesimpulan

Pembudayaan pembangunan dana wakaf pendidikan tinggi merupakan satu instrument yang penting bagi membantu masyarakat di Malaysia secara umumnya didalam memperkasakan bidang pendidikan terutamanya di institusi pengajian tinggi. Jika dilihat selepas pasca pandemik covid-19 yang melanda Malaysia pada tahun 2020, kita dapat melihat kesan ekonomi mengalami kelembapan ekoran terdapat individu yang mengalami penurunan hasil pendapatan serta daya jual beli yang sebelum ini tinggi semakin menurun. Impak ini memberikan kesan kepada pihak yang ingin menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi terganggu kerana ada keperluan yang lebih mendesak. Justeru itu, kaedah berwakaf melalui pendidikan tinggi merupakan satu pendekatan yang sesuai bagi membantu mereka yang terkesan dengan keadaan ekonomi ketika ini. Selain itu, pihak pengurusan sesuatu organisasi yang diberikan mandat atau amanah perlu melaksanakan tanggungjawab dan tugas ini dengan penuh integriti, bertanggungjawab, telus, konsisten dan efisien melalui konsep governan yang menekankan kepada elemen-elemen asas dalam pengurusan dan menggabungkan prinsip-prinsip yang telah diterapkan dalam agama Islam. Hasil daripada kajian ini dapat memberikan impak keberkesanan sesebuah organisasi dalam merangka dan melaksanakan dasar, terutamanya dalam pembangunan wakaf mampu mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Kesan daripada

pembangunan wakaf pengajian tinggi ini mampu diterima oleh semua masyarakat secara umumnya dan bersama-sama membantu untuk mempromosikan wakaf pendidikan tinggi ini kerana konsep wakaf ini mampu untuk memberi pulangan yang positif terhadap pembangunan negara dari sudut pembangunan modal insan serta pembangunan rohani.

Penghargaan

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan penyelidik di Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Kedah dan Raub, Pahang serta Universiti Utara Malaysia (UUM) yang terlibat didalam menyiapkan kajian ini.

Rujukan

- Abdullah, M. (2018). Waqf, sustainable development goals (SDGs) and maqasid al-shariah. *International Journal of Social Economics*, 45(1), 158-172. <https://doi.org/10.1108/IJSE-10-2016-0295>
- Aspers, P., & Corte, U. (2019). What is Qualitative in Qualitative Research. *Qualitative Sociology*, 42(2). <https://doi.org/10.1007/s11133-019-9413-7>
- Batubara, M., & Sibral Malasyi. (2024). The Management of Zakat and Waqf in the Economic Development Efforts of Aljazair. *Economit Journal: Scientific Journal of Accountancy, Management and Finance*, 4(1). <https://doi.org/10.33258/economit.v4i1.1056>
- Bhangu, S., Provost, F., & Caduff, C. (2023). Introduction to qualitative research methods Part I. *Perspectives in Clinical Research*, 14(1). https://doi.org/10.4103/picr.picr_253_22
- Butticè, V., & Vismara, S. (2022). Inclusive digital finance: The industry of equity crowdfunding. *Journal of Technology Transfer*, 47(4). <https://doi.org/10.1007/s10961-021-09875-0>
- Corsini, F., & Frey, M. (2023). Exploring the development of environmentally sustainable products through reward-based crowdfunding. *Electronic Commerce Research*, 23(2). <https://doi.org/10.1007/s10660-021-09509-5>
- Eldaia, M., Hanefah, M., & Marzuki, A. (2023). Moderating role of Shariah committee quality on relationship between board of directors effectiveness and the performance of Malaysian Takaful. *Competitiveness Review*, 33(1). <https://doi.org/10.1108/CR-09-2021-0123>
- Habidin, N. F., Hussin, M. Y. M., Muhammad, F., Janudin, S. E., & Fuzi, N. M. (2017). Critical success factors, benefit, and auditing of Waqf accounting. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(4), 1184–1189. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v7-i4/2925>
- Hashim, R., Ramli, R., Dahalan, N. F., Ismon, N. Y., & Romli, S. (2016). Instrumen pelaburan bagi penajaan dana wakaf institusi pengajian tinggi (IPT): Satu tinjauan. In *Ulwan's Jurnal Jilid* (Vol. 1).
- Hassan, M. K., Irsyan, N. M., & Muneeza, A. (2023). Potential of waqf-blended finance using crowdfunding in Indonesia. *International Journal of Islamic Thought*, 24(December), 72-99.
- Hidayatullah, M. F., Irawan, B., Sudaryanto, & Roziq, A. (2023). Formulation of Sharia marketing strategy in Bank Syariah Indonesia. *Quality - Access to Success*, 24(196). <https://doi.org/10.47750/QAS/24.196.34>
- Hisham, N., Nawi, M., & Ismail, M. (2018). Philosophy of higher education Waqf: A review Falsafah Wakaf Pendidikan Tinggi; Satu Semakan Semula. *Journal of Techno Social*, 10(2), 42–49. <https://doi.org/10.30880/jts.2018.10.02.007>

- Hutchens, M., Lynch, D. P., & Stomberg, B. (2024). Sharing the wealth: The effects of announced TCJA bonuses on employee pay satisfaction. *The Journal of the American Taxation Association*. <https://doi.org/10.2308/jata-2022-028>
- Khairuddin, N. K., & Ishak, M. S. I. (2023). Islamic crowdfunding model for empowering student entrepreneurship program in Malaysia. *International Journal of Applied Economics, Finance and Accounting*, 16(1). <https://doi.org/10.33094/ijaefa.v16i1.889>
- Laila, N., Ratnasari, R. T., Ismail, S., Hidzir, P. A. M., & Mahphoth, M. H. (2023). The intention of small and medium enterprises' owners to participate in waqf: The case of Malaysia and Indonesia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 16(3). <https://doi.org/10.1108/IMEFM-01-2022-0014>
- Lydia Jeptoo, M., & Razia, M. (2012). Internationalization of higher education: Rationale, collaborations and its implications. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 1(4).
- Matta, C. (2022). Philosophical paradigms in qualitative research methods education: What is their pedagogical role? *Scandinavian Journal of Educational Research*, 66(6). <https://doi.org/10.1080/00313831.2021.1958372>
- Melnikovas, A. (2018). Towards an explicit research methodology: Adapting research onion model for futures studies. *Journal of Futures Studies*, 23(2). [https://doi.org/10.6531/JFS.201812_23\(2\).0003](https://doi.org/10.6531/JFS.201812_23(2).0003)
- Mohiddin, M. N. H. (2022). Model integrasi wakaf pengajian tinggi di Brunei Darussalam: Integrated Waqf model for higher education for Brunei. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 5(1), 17-40. <https://doi.org/10.53840/ijiefer66>
- Mohiddin, M. N. H. (2020). Kredibiliti Wakaf dalam menangani isu pembiayaan pengajian tinggi. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 2(4).
- Mustaffa Mohd, N., Muda, Z., Pengajian, F., & Islam, P. (2014). Pengurusan wakaf Pendidikan di institusi pengajian tinggi Malaysia: Satu sorotan literatur educational Waqf management in Malaysia's higher education institutions: Review of literature. In *IJMS* (Vol. 21, Issue 2). <http://ijms.uum.edu.my/>
- Omar, H. H. (2014). Penggunaan manfaat harta wakaf sebagai mekanisme untuk menaik taraf ekonomi ummah. *ResearchGate*. <https://www.researchgate.net/publication/263662729>
- Othman, Y. H., Alwi, I., Yusuff, M. S. S., & Saufi, M. S. A. M. (2017). The influence of attitude, subjective norm, and Islamic religiosity on compliance behavior of income Zakat among educators. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(11). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v7-i11/3549>
- Othman, Y. H., Fisol, W. N. M., Saufi, M. S. A. M., & Abdullah, M. B. (2017). Financing Kolej Universiti INSANIAH using the concept of cash Waqf: The way forward. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(11). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v7-i11/3551>
- Praja, C. B. E., Riswandi, B. A., Wartini, S., & Hakim, H. A. (2024). Waqf of trade secret: An analysis in Indonesian legal perspective. *E3S Web of Conferences*, 500. <https://doi.org/10.1051/e3sconf/202450005003>
- Rahman, N. H. A., & Shoid, M. S. M. (2017). Key success factors that affecting knowledge transfer among public organization employees: A conceptual framework. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 6(3). <https://doi.org/10.6007/ijarped/v6-i3/3249>
- Shahid, M., Saufi, A. M., & Hamid, M. A. (2022). Kesan pemasaran terhadap wakaf pendidikan tinggi di Malaysia. In *CIFER International Journal of Islamic Finance* (Vol. 1).

- Tahiri-Jouti, A. (2022). *Financial Instruments and Cash Waqf: Bridging Islamic Finance with Sustainable Development Goals*. Palgrave Macmillan; 1st ed. 2022 edition.
- Wahid, H., Salim, A., Mat Daud, M., & Ismail, M. A. (2022, August 24). Factors affecting behaviour of Income Zakat payment among FELDA settlers during COVID-19 Pandemic. *International Journal of Zakat*, 7(1), 1-18.
<https://doi.org/https://doi.org/10.37706/ijaz.v7i1.319>.
- Zainudin, N. H., Heriranto, P., & Zainol, Z. (2020). Pengaruh Peletakan Pasaran Institusi Pengajian Tinggi terhadap Wakaf Pendidikan, *Management Research Journal*, 9(1).